



Sebaik selesai, pasukan MPD kemudiannya menyambung semula kerja-kerja gotong royong membersihkan kawasan banjir di Dungun dan beberapa hari selepas itu, sekali lagi semboyan ditiup Yang Dipertua dan kali ini diarahkan ke Dabong dan Kemubu di Kelantan pula untuk membersihkan dua buah sekolah. Di sini, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Haji Zainal Abidin Husin yang mengetuai operasi telah mengarahkan pasukan sukarelawan agar 'membanting' tenaga demi menyiapkan kebersihan Sekolah Rendah dan Menengah di Dabong Kelantan.

Keadaan persekitaran kampung ini yang jauh dari kawasan bandar menyebabkan sukarelawan MPD terpaksa mencari tempat penginapan yang ala kadar sekadar dapat melepakan mata buat seketika. Ustaz Halim seorang iman di surau Kampung Tengawan, bermurah hati mempersilakan kakitangan MPD menginap di suraunya dan selama dua minggu memerah keringat akhirnya kedua-dua sekolah itu berjaya disiapkan sepenuhnya.

Bagi sukarelawan kerajaan negeri Terengganu termasuk kakitangan MPD berasa sangat bangga dan puas hati kerana tugas mulia mereka itu dihargai dengan sejuta senyuman daripada masyarakat Kelantan.



En. Yao, Pengerusi PIBG.  
SRJK(C) Chung Hwa



**PENULIS** merasa sangat bangga dan berterima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM4.3 juta yang disalurkan kepada Majlis Perbandaran Dungun untuk membaikpulih prasarana dan pengindahan persekitaran Flat Bijangga.

Peruntukan melalui program program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS7)*), *My Beautiful Neighbourhood* atau Kejiranan Indah wajar diungkapkan tanda syukur penghuni flat terbabit apa tidaknya kawasan Flat sebelum itu yang disifatkan penduduk di situ 'mencacatkan pandangan' sebelum ini telah berubah wajah dan kini semakin berseri-seri.

RM4.3 juta peruntukan yang dibenkan itu melibatkan pembinaan longkang, penyediaan ruang letak kereta, mengecat bangunan dan membaiki pelbagai kerosakan termasuk kerja membaiki paip air ini tidak lain dan tidak bukan semata-mata ingin memberi keselesaan dan keindahan kepada penghuni Flat sekaligus menepati slogan 'Janji ditepati' sebagaimana yang dicetuskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Hadiah berharga itu yang tidak diperolehi Flat-flat yang lain sekali gus menjadikan kawasan perumahan terbabit selamat, bersih dan ceria untuk didiami.

Menerusi kerja pumbaikan seperti pemasangan lampu jalan, membaiki bumbung, penyelenggaraan langki air dan pili bomba, serta meningkatkan kekerapan kutipan sampah, menaik taraf landskap dan taman permainan kanak-kanak bukanlah suatu perkara yang kecil sebaliknya perlu dihargai semua penghuni Flat.

Bagi penulis mereka yang menghuni Flat terbabit sangat beruntung kerana Flat tempat tinggal mereka itu diberi penghormatan oleh kerajaan bagi memastikan keselesaan penghuninya.

Dengan pemberian yang bermakna daripada kerajaan itu, penulis berharap agar semua penghuni Flat Bijangga dapat sama-sama menjaga segala prasarana yang telah dianugerahkan itu dengan sebaik mungkin termasuk tidak lagi membuang sampah dengan sesuka hati kerana kebersihan itu mencerminkan keimanan.

## "Penghuni Flat Bijangga bertuah"



Dari Meja Pengarang

# RM 10 JUTA

### MPD BELANJA RM10 JUTA SETAHUN

**KERAJAAN** negeri menyalurkan peruntukan sebanyak RM10 juta setiap tahun kepada Majlis Perbandaran Dungun bagi tujuan kerja-kerja kontrak kebersihan seperti memotong rumput, membersihkan kawasan, mencuci longkang dan mengangkat sampah.

Pegawai Kesihatan Persekitaran Jabatan Kesihatan MPD, Razak Muda berkata, peruntukan besar itu juga termasuk kerja-kerja membersihkan pasar, persekitaran pasar dan memotong rumput di kawasan tanah perkuburan di seluruh daerah ini.

Katanya, kontrak kebersihan yang dijalankan sejak tahun 2006 lalu sehingga kini kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 66 juta kepada MPD.

"Peruntukan besar yang disumbangkan kerajaan negeri adalah sebagai usaha menjadikan daerah Dungun sebagai antara tujuh daerah di Terengganu yang bersih,"katanya.

Razak berkata, sebanyak 10 kontraktor ditawarkan kontrak terbabit iaitu membabitkan sepuluh zon iaitu Paka, Rantau Abang dan Bandar Dungun.

"Untuk merealisasikan sebuah bandar dan kampung yang bersih bukanlah satu tugas yang mudah tanpa kerjasama daripada penduduk setempat dan setakat ini kerjasama daripada penduduk amat saya banggakan,"katanya.

Katanya, biarpun masih ada segelintir penduduk yang masih membuang sampah dengan sesuka hati namun pihaknya berharap penduduk terbabit akan berubah pada suatu masa nanti.

"Saya sangat berharap semua masyarakat di Dungun tampil bersama-sama MPD supaya dapat membantu merialisasikan hasrat kerajaan negeri yang mahu



# 453

**BENNER, KAIN  
RENTANG DAN  
POSTER HARAM  
DIBUANG**

MANA-mana syarikat dan individu yang ingin mengiklankan perkhidmatan mereka perlu mendapatkan kelulusan daripada Majlis Perbandaran Dungun.

Pegawai Kesihatan Persekitaran Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan, Abd Rashad Jusoh berkata, keingkaran berbuat demikian boleh menyebabkan mereka dikenakan kompaun di bawah Undang-undang Kecil Iklan sehingga RM250.

Katanya, operasi membabitkan seramai 12 anggota penguatkuasa berjaya menurunkan sebanyak 176 poster, banner dan kain rentang yang dipamerkan di tempat awam tanpa kelulusan majlis.

"Operasi ini kita akan jalankan setiap hari di kawasan Dungun dan Paka bagi membebaskan kawasan itu daripada dipenuhi iklan-iklan tanpa kelulusan.

Oleh yang demikian, kita berharap agar syarikat dan individu yang ingin mempamerkan iklan mereka agar dapat mengerhukakan permohonan daripada majlis sebelum mereka dapat mempamerkan iklan-iklan mereka,"katanya.

Abd Rashad berkata, setiap banner dan kain rentang cuma dikenakan bayaran sebanyak RM13 untuk tempoh satu bulan dan sekiranya mereka beminat untuk menyambung lagi tarikhnya boleh mendemukakan permohonan semula.



## YDP TUNTUT KERJA IKHLAS

YANG Dipertua, A Rahman Che Ali menuntut semua kakitangan Majlis Perbandaran Dungun bekerja dengan ikhlas kerana budaya kerja itu dituntut oleh Allah S.W.T.



Katanya, budaya kerja yang ikhlas, jujur dan amanah penting kepada setiap kakitangan demi meneruskan kelangsungan hidup dalam mencari rezeki yang halal untuk diri sendiri dan keluarga.

"Kerja kita merupakan satu ibadah dan percayalah sekiranya hati kita betul, jujur dan ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kita akan mendapat keredaan Allah,"katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Kualiti MPD di Dataran Arena Merdeka dengan dihadiri semua kakitangan dan Ahli Majlis Perbandaran Dungun.

Pada majlis itu beliau turut menyampaikan hadiah kepada 10 kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang bulanan serta menyampaikan cenderahati kepada kakitangan yang bersara.



A Rahman berkata, seliap kakitangan perlu mengambil masa merenung pada diri sendiri, apakah kerja yang diamanahkan benar-benar dilaksanakan dengan ikhlas, amanah dan jujurkah sumbangan kita kepada masyarakat.

Adakah kita benar-benar jujur menyumbang tenaga dalam bekerja serta bertungkus lumus dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan menepati masa kerja yang ditetapkan,"katanya.



Beliau berkata, untuk mengungguli budaya kerja cemerlang, setiap kakitangan perlu ada ciri-ciri seperti rajin berusaha, tekun, berdisiplin, sabar, amanah dan bertanggungjawab dengan segala tugas yang diamanahkan.

"Setiap kerja yang diamanahkan tidak perlulah kita merungut dan Janganlah menganggap kerja kita sebagai satu bebanan kerana punca rezeki itu datangnya dari hasil kerja yang kita lakukan,"katanya.

Tambahnya, akhlak dan nilai yang baik perlulah ditanam dan ditorapkan di kalangan kakitangan bagi menjamin mutu kerja yang lebih berkesandalam memastikan matlamat kerajaan, jabatan dan organisasi tercapai.

## 14 PROJEK UNTUK RAKYAT

Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Dungun (MPD) mengeluarkan sebanyak 14 projek pembinaan dan membaikpulih pelbagai prasarana sebagai memberi kemudahan kepada penduduk di Dungun.

Junutera MPD, Zulkifli Hassan berkata, 14 projek terbabit antaranya membabitkan kerja pembinaan lanskap, membaikpulih dan membina alat permainan di semua kawasan rekreasi serta pembinaan empat unit rumah kepada golongan miskin.

Katanya, keseluruhan projek terbabit bernilai RM1.8 juta termasuk kos peruntukan membina empat unit rumah kepada keluarga miskin di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang bernilai RM160,000.

"Kesemua projek berkenaan yang ditawarkan kepada kontraktor tempatan itu telah siap dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan,"katanya.

Zulkifli berkata, kesemua peruntukan itu adalah hasil pemberian daripada kerajaan negeri dan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Saya sebagai mewakili Yang Dipertua sangat berterima kasih kepada kerajaan negeri dan KPKT yang sanggup menghulurkan peruntukan kepada MPD dalam usaha merencanakan lagi pembangunan di daerah ini,"katanya.

Katanya, pelbagai projek yang dirangka oleh MPD adalah semata-mata untuk memberi kemudahan kepada rakyat selaras slogan Menteri Besar Datuk Ahmad Razif Abd Rahman 'Kecil Bagi Kita Besar



## Mari Sayang Pantai Kita

Majlis Perbandaran Dungun (MPD) melancarkan program gotong royong membersihkan sepanjang pantai Teluk Lipat sehingga ke Pantai Sura Hujung dengan dihadiri 600 kakitangan, pelajar serta kakitangan di agensi kerajaan dan swasta.

Program gotong royong selama empat jam itu, dirasmikan yang Dipertua MPD, A Rahman Che Ali yang menumpukan kerja pembersihan pantai yang dipenuhi sampah yang dihanyutkan ketika kehadiran musim tengkujuh.

Antara agensi yang terbabit ialah, Pejabat Pendidikan Daerah, anggota Rela, Jabatan Pertahanan Awam JPAM, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Politeknik serta kakitangan kontraktor kebersihan MPD.

A Rahman berkata, beliau berterima kasih dan menghargai kehadiran semua pihak yang menjayakan gotong royong terbabit dan jumlah besar kehadiran peserta membuktikan mereka amat menyayangi pantai itu.

"Pantai Teluk Lipat hingga ke Sura Hujung sepanjang 11 kilometer, merupakan salah satu destinasi tumpuan penduduk dan pelancong. tanpa sokongan daripada semua peserta usaha mencerikan suasana sepanjang pantai itu akan menemui kegagalan,"katanya.

